

31 MAY 1996

Samy-Plus

LAPORAN CERUN RUNTUH DEKAT GUA TEMPURUNG HAMPIR SIAP

SUNGAI SIPUT, 31 Mei (Bernama) -- Projek Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) dijangka akan menyiapkan sepenuhnya laporan kejadian tanah runtuh di KM303.8 lebuhraya itu dekat Gua Tempurung, Gopeng, dalam tempoh dua minggu, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Menurutnya, laporan terperinci kejadian itu oleh pakar-pakar perunding yang dilantik Plus bagi tujuan itu turut membabitkan tindakan syarikat itu untuk memperbaiki dan mengatasi masalah cerun-cerun berbahaya di lebuhraya itu.

Yang turut terkandung dalam laporan itu kelak ialah cadangan serta kos membuka semula laluan asal yang kini ditutup, katanya kepada pemberita selepas merasmikan dewan orang ramai yang didirikan oleh Persatuan Faedah Bersama Penduduk Kampung Muhibbah di sini semalam.

"Kementerian sedang menunggu laporan itu daripada Plus yang kita jangkakan akan dapat dikemukakan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh satu atau dua minggu," kata beliau.

Seorang kelindan lori terbunuh dalam kejadian tanah runtuh yang berlaku pada pagi 6 Jan lepas. Berikutan itu, Plus membina jalan lencongan di situ bagi kegunaan pengguna lebuhraya.

Samy Vellu, yang juga Pengerusi MIC, berkata beliau akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi berhubung pembelian Amanah Saham Wawasan (ASW) oleh masyarakat keturunan India di negara ini.

"Saya akan memohon Perdana Menteri untuk meluluskan skim pinjaman kepada masyarakat keturunan India untuk melabur dalam skim itu," katanya.

Masyarakat keturunan India diperuntukkan lapan peratus daripada keseluruhan saham dalam ASW yang dilancarkan baru-baru ini.

-- BERNAMA

LAT AHH